

25 OCT 1997

AIDS-Ramos

KONGRES AIDS ASIA PASIFIK RANGKA STRATEGI BAGI PENCEGAHAN

Oleh: Nur'ul Afida Kamaludin

MANILA, 25 Okt (Bernama) -- Kira-kira 2,500 perwakilan dari Asia dan Pasifik berkumpul di Pusat Konvensyen Antarabangsa Filipina (PICC) di sini hari ini bagi merangka strategi mencegah penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) daripada menular di Asia Pasifik.

Kongres ke-4 Antarabangsa mengenai AIDS di Asia dan Pasifik bertemakan "Partnership Across Borders Against HIV/AIDS" dianjurkan oleh Persatuan AIDS Filipina (ASP) dan ditaja oleh Program Bersama Bangsa-bangsa Bersatu mengenai HIV/AIDS.

Negara-negara yang menghadiri kongres itu antaranya Malaysia, Indonesia, Jepun, India, Nepal, Australia, China, England, Belanda, Brunei, Filipina dan Singapura.

Dlam ucap utamanya pada pembukaan kongres, Presiden Fidel Ramos menggesa masyarakat antarabangsa terutama di rantau Asia Pasifik supaya segera sedar tentang bahaya HIV dan ancaman AIDS.

"Cabaran itu kita hadapi sekarang. Keputusan dalam tangan kita," kata beliau sambil berkata tindakan bersama oleh kongres semasa persidangan lima hari akan menentukan sama ada Asia dan Pasifik dapat menangani isu itu.

"Kita harus bertindak sekarang. Sikap endah tidak endah menyebabkan kehilangan nyawa, peluang ekonomi hilang, dan menjejaskan pembangunan kemanusiaan", kata beliau.

Ramos berkata Filipina telah menyatakan sokongannya dalam usaha mencari penawar bagi Aids dan pada September tahun lalu, beliau menandatangani perisytiharan untuk mengisytihatkan tahun 1997 sebagai Tahun Pencegahan AIDS kebangsaan bagi mengulangi komitmen kerajaan dalam kempen memerangi HIV dan AIDS.

Ramos merupakan ketua negara yang pertama mengeluarkan perisytiharan seumpama itu.

Beliau berkata jumlah orang yang dijangkiti penyakit itu di seluruh dunia meningkat pada kadar 8,500 sehari dan tiada negara terselamat daripada ancaman penyakit itu dengan kira-kira 30 juta orang dikatakan sebagai HIV positif.

Beliau berkata pendirian secara pemencilan bukan cara yang berkesan bagi mencegah penyakit itu sambil berkata tindakan menutup sempadan hanya akan meningkatkan vulnerabiliti penduduk dan mengurangkan survivabiliti mereka.

Ramos berkata satu-satunya jalan penyelesaian bagi semua negara ialah berkongsi pengalaman dan bersatu bagi memerangi penyakit berbahaya ini.

"Dengan bersatu, kita mempunyai kekuatan secara bersama dan sumber bagi memerangi penyakit yang menular ke seluruh dunia ini," kata beliau.

Terdahulu, ketika merasmikan kongres, presiden ASP Dr Ofelia T.Monzon yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur berkata persidangan akan memusatkan perhatian kepada vaksin dan langkah-langkah pencegahan untuk membasmi AIDS.

Kongres itu meliputi tajuk mengenai Reproductive Health and HIV/Aids, Strategi mengenai HIV/Pencegahan Aids, Pengurusan Penyakit HIV, Seksualiti dalam HIV/Aids di rantau Asia Pasifik dan Kemajuan Terkini dalam Terapi HIV.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Datuk M. Mahalingam, Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir dan Presiden Tenaganita Irene Fernandez menghadiri upacara pembukaan itu. -- BERNAMA

NAK FAZ

